



EON

Epitome of Nature



**TS DR
NOR'AISHAH
HASAN**
SRIKANDI TEKNOLOGI

OMEGA-3
PERANAN IKAN

**MAKMAL
MEGA**
*PERANAN DALAM
BIOLOGI MOLEKUL*

CANVA
*MAKMAL
KOMPUTER MAYA?*


**TEKNOLOGI
PLASTIK**
APAKAH KESANNYA?

**RISK
MANAGEMENT IN
MICROBIOLOGY
LABORATORY**

**KENALI PENYAKIT
IKAN DALAM
MAKMAL**

**PLOGGING:
A NEW TREND IN
ENVIRONMENT?**

ISSN 2773-5869



9 772773 586005



Misi Topi Bulat

PERJALANAN ASUHAN MAHA PENCIPTA

Oleh

DR NURULHUDA ISMAIL

Pusat Pengajian Biologi,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Kuala Pilah,
Pekan Parit Tinggi,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

nurul850@uitm.edu.my

EDITOR: DR NOR'AISHAH ABU SHAH

PhD Research
Journey
Dr Nurulhuda
Ismail



Gambar 1. Bersama insan keramat di dalam DATC selepas selesai istiadat konvokesyen

Bismillahirrahmanirrahim.

Sebenarnya, dan sejujurnya, hingga saat ini saya seperti bermimpi apabila dapat menamatkan pengajian yang panjang ini. Sesungguhnya perjalanan yang amat sulit dan mencabar ini adalah asuhan dari Allah untuk diri ini menjadi hamba yang sebenar-benar hamba kepada Nya. Ya benar. Alhamdulillah atas segala liku dalam perjalanan ini.

Saya mulakan penceritaan perjalanan ini bermula dari tarikh keramat Disember 2010. Sebelum mendaftar sebagai pelajar PhD. di UiTM, saya telah mencuba untuk mendapatkan tempat di Universiti luar negara dan dalam negara. Makanya tempat yang telah tertulis untukku adalah UiTM Shah Alam dibawah seliaan hamba Allah yang sangat merendah diri dan 'kejepunan', iaitu Professor Rusop. Terima kasih tak terhingga Prof, kerana sudi menerima saya sebagai pelajar PhD dibawah bimbingan Prof bersama-sama dengan Dr Zuraida dan Kak Mai. Merekalah yang selalu saya rujuk sepanjang pengajian ini.

"Setelah mendaftarkan diri, seminggu selepas itu saya secara tiba-tiba jatuh sakit sehingga menghalang saya untuk bangun. Sakit terasa nyilu seperti ditoreh pisau dari leher hingga ke pinggang. Tapi anehnya ketika itu saya redha tanpa rasa takut, keluh kesah mengenai pengajian yang baru bermula, sebaliknya saya bersedia untuk mengadap Allah." – Dr Nurulhuda

Sehinggalah terdetik untuk berubat dengan PUSRATU. Alhamdulillah inilah penawar rupanya. Saya kembali sihat dan mula mengikuti kursus demi kursus berkaitan pengajian yang ditetapkan oleh IPSIS. Terima kasih UiTM kerana sentiasa kehadiran terhadap perkara-perkara perlu bagi pelajar dari peringkat pra sehingga PhD. Itulah UiTM.

Nanobioteknologi, adalah bidang kajian saya. Ketika itu sukar mendapat rujukan dari penyelidik atau pelajar lepasan ijazah kerana bidang ini agak baharu. Maka saya banyak merujuk kepada pelajar pascasiswazah dari negara luar, antaranya Dr Elena Heister dari *University of Surrey*. Allah hantarkan orang-orang yang baik untuk membantu tanpa saya sedar. Sesungguhnya doa itu senjata orang mukmin. Sentiasalah berdoa samada terang-terangan atau sembunyi.

Setiap kali rasa sedih, risau atau gembira, berdoaalah.

Ketika melalui proses pengajian ini juga **Allah kurniakan saya cahaya mata pada tahun 2012 bernama Siti Nur Aleesya, saya gelarkan ‘anak mama’.**

Aleesya bijak menyesuaikan diri, cukup faham perasaan mama, pandai ambil hati dan yang penting dia akan berselawat setiap kali rasa takut atau cemas. Semuga Aleesya sentiasa dalam perlindungan Allah seperti namanya, Aleesya bermaksud “Protected by God”. Dengan adanya anak maka proses pengajian semakin mencabar, tambahan pula suami juga turut sama menjadi pelajar PhD. Sama-sama sibuk dan mengejar tarikh untuk aktiviti makmal, penulisan dan laporan kemajuan.

Saya akui bukan mudah.

Perlu disiplin, tetapkan hati, kuatkan semangat, pertingkatkan hubungan dengan Allah supaya kita dapat lalui dengan tenang, sabar dan redha. Pengajian belum tamat tetapi dah perlu mendaftar masuk bekerja semula pada 2014. Cabaran makin bertambah kerana terpaksa berulang alik bersama Aleesya dari Shah Alam ke Kuala Pilah. Aktiviti harian bermula seawal 4 pagi sehingga 10 malam bermula hari Isnin sehingga Jumaat. Penat, Allah sahaja yang tahu.

Maka perasaan nak *give up* bertambah. Sehingga terfikir nak mulakan pengajian baru di Universiti Malaya kerana saya buntu dengan kajian yang saya hadapi sekarang, terutama selepas previva pertama. Tetapi supervisor saya berpesan, “tak pa Puan Huda, insyaAllah kita boleh tamatkan. InsyaAllah”. Kata-kata perangsang dari seorang guru menjadikan saya bersemangat semula. Jujur saya katakan, syaitan banyak sangat menggoda sehingga saya malas nak buka tesis, baca dan tulis sedangkan saya tahu kaedahnya dan apa perlu saya buat. Entah kenapa saya biarkan masa berlalu dengan sia-sia. Saya percaya doa mak, bapak, suami, adik beradik, guru-guru, sahabat-sahabat yang menjadi asbab saya tiba-tiba tersedar dan bertindak.

“Antara peristiwa yang mencetus saya untuk bangun semula adalah kejayaan adik angkat meraikan konvokesyen pengajian PhD di Universiti Malaya. Terasa seperti aliran tenaga baru asbab kejadian itu. Tambahan pula UiTM Cawangan Negeri Sembilan mencalonkan saya untuk ke kursus *teambuilding* yang melibatkan aktiviti terapung di atas permukaan tasik. Subhanallah, saya memang takut air! Tak pandai berenang! Tapi saya cabar diri kerana yakin kalau lemas fasilitator akan tolong .. Hahahaha!” – Dr Nurulhuda

Antara yakin dengan tak, kaki tetap melangkah ke dalam tasik sehinggalah saya terapung sepenuhnya. Sesungguhnya saya memang takut. Zikir tak lekang dari mulut sebab saat itu hanya saya dengan Allah. Saya serah sepenuhnya pada Allah. MasyaAllah! *I can do it!!!* Maka itulah saatnya saya bangun dan terus berlari tanpa henti atasi semua halangan walhal dah memang ketinggalan jauh. Saya yakin, selagi kita berdoa, Allah akan kabulkan permintaan kita, cuma cepat atau lambat. Kedatangan COVID-19 juga satu hikmah, asbab saya mengikuti pengajian online Tuan Guru Zainul Asri. Banyak saya belajar dan sedikit demi sedikit saya dapat rasakan “pintu langit terbuka” sehingga perjalanan saya dipermudahkan sehingga tamat.

Kunfayakun. Alhamdulillah terima kasih Allah atas segalanya.

Sesungguhnya kita hanyalah hamba. Jadilah hamba yang sebenar-benarnya kepada Allah. PhD sungguh mengajarku erti hidup sehingga memahami siapa kita, kemana kita dan untuk apa kita hidup. Kepada rakan-rakan yang sedang berjuang dan akan berjuang, percayalah Allah ada untuk membantu. Jangan hilang harapan atau putus semangat kerana syaitan suka mengganggu. Bangun lawan nafsu dan perasaan negatif. Gantikan dengan niat mujahadah menuju Allah. Perbanyakkan selawat kerana Allah sayangkan nabi Muhammad s.a.w makanya bila kita berselawat, Allah dan para malaikat mendoakan kesejahteraan kita sepuluh kali ganda. Kita menumpang syafaat nabi untuk meraih kasih sayang Allah. Bila Allah kasihkan kita, semua dipermudahkan seolah2 digambarkan seperti pintu langit terbuka. Berbahagialah, mintalah. Allah akan perkenankan. Ingat ya, doa adalah senjata orang mukmin.

Disini suka saya nak kongsi amalan yang boleh semua pembaca muslim amalkan selagi hayat kita ada:

1. Bersedekah selalu.
2. Solat fardhu diawal waktu.
3. Jangan tinggalkan quran: setiap hari bacalah yasin, sebelum tidur bacalah al mulk.
4. Solat tahajud, solat witr, sunat sebelum subuh, sunat dhuha 4 rakaat.
5. Puasa sunat Isnin dan Khamis.
6. Berselawat setiap masa kerana selawat boleh dikhususkan untuk hajat, sakit, kaya dan lain-lain.

Sekian nukilan dari saya yang tak seberapa ni. Perjalanan hidup kita tak sama. Tapi pengakhiran kita sama (akhirat). Segala yang baik dari perkongsian ini ilham dari Allah dan yang buruk dari kekhilafan saya sendiri. Wallahualam.



Gambar 3. Bersama keluarga besar tersayang



Gambar 2. Keluargaku syurgaku



Gambar 4. Hooding ceremony bersama Dr Zuraida Khusaimi

